



## KENYATAAN MEDIA

YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ  
MENTERI KEWANGAN

### LAPORAN LAKSANA KE-40

PELAKSANAAN INISIATIF  
BELANJAWAN 2021, PERMAI,  
KITA PRIHATIN, PENJANA DAN PRIHATIN

10 Februari 2021



#### PENGENALAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,

1. Kita berjumpa lagi di sesi ulasan Laporan LAKSANA ke-40 ini. Saya harap semua di luar sana berada dalam keadaan yang selamat, sama ada di rumah, ataupun di tempat kerja bagi mereka yang masih dibenarkan untuk bertugas di pejabat. Dalam melazimi kehidupan seharian ketika menangani pandemik ini, ingin saya berpesan agar terus disiplin dalam meningkatkan kawalan sendiri.
2. Laporan ini akan didahului dengan ulasan tentang isu semasa, dan diikuti dengan status pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama Kerajaan iaitu Pakej Bantuan PERMAI, Belanjawan 2021, Pakej Ransangan Ekonomi PENJANA, dan Pakej KITA PRIHATIN. Status pelaksanaan inisiatif Pakej PRIHATIN yang masih berlangsung boleh disemak di Lampiran 1.
3. Sebelum saya mulakan Laporan LAKSANA Ke-40 ini, izinkan saya menyingkap semula tentang paksi inisiatif-inisiatif Kementerian Kewangan, termasuk Belanjawan 2021 yang sentiasa berkisar tentang tiga matlamat utama iaitu **Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi**. Baru-baru ini pula pendekatan ini diperkembangkan lagi melalui Pakej Bantuan PERMAI yang direka untuk mempercepatkan dan memperluaskan skop penyampaian, serta menambah peruntukan di mana perlu.

4. Inilah peranan Kerajaan – untuk memastikan segala keperluan kewangan dan peralatan ada tersedia. Berita baik adalah inisiatif Belanjawan 2021 serta PERMAI sudah pun mula berjalan, dan saya ingin berkongsi manfaat pendekatan inisiatif-inisiatif ini yang menyentuh pelbagai aspek komuniti kita.

## **BELANJAWAN 2021 & PAKEJ BANTUAN PERMAI**

### **A. Menangani Pandemik Covid 19**

5. Perkara paling utama bagi kita sudah tentunya perjuangan bagi menurunkan impak COVID-19. Sehubungan itu, saya menyeru semua pihak supaya tidak lagi berkompromi dengan pelanggaran atau ketiadaan SOP. Keupayaan saringan COVID-19 Kementerian Kesihatan juga telah dipertingkatkan. Sehingga 5 Februari, hampir 1.2 juta ujian telah dijalankan dengan jumlah kumulatif lebih 6.4 juta.
6. **Belanjawan 2021 juga telah memperuntukkan RM1 bilion bagi penyediaan dana tambahan yang tertumpu kepada bekalan seperti tambahan reagen dan kit saringan, serta peralatan PPE terutama kepada petugas kesihatan.** Kita harapkan dengan adanya pertambahan saringan, berikutan arahan kepada majikan untuk melaksanakan ujian saringan kepada pekerja mereka, maka dapatlah kita mengenalpasti mereka yang bergejala dengan lebih pantas dan pengasingan dapat dilakukan dengan segera untuk mengekang penularan wabak.
7. **Walaupun majikan perlu menanggung kos saringan COVID-19, melalui Pakej Bantuan PERMAI mereka akan mendapat potongan cukai berganda bagi kos tersebut, manakala PERKESO akan menampung kos saringan pekerja asing di zon merah.** Insentif pengecualian cukai ini turut dinikmati oleh individu yang mengeluarkan perbelanjaan bagi melakukan saringan COVID-19.
8. **Melalui peruntukan dana tambahan RM3.25 bilion melalui Pakej Bantuan PERMAI bagi tahun 2021 untuk menangani wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan juga telah membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah seramai 11,280 petugas kesihatan bagi usaha menangani pandemik COVID-19 dan mengekalkan mutu perkhidmatan. Yang sama penting adalah untuk memelihara kebajikan para kakitangan barisan hadapan. Untuk ini, suka saya mengingatkan bahawa Pakej Bantuan PERMAI juga telah meluluskan pengambilan 3,500 petugas kesihatan mulai akhir Januari 2021.**

### **B. Majlis Pekerja Negara: 500,000 Peluang Pekerjaan Baharu**

9. Kerajaan juga mengambil maklum bahawa kadar pengangguran pada bulan Disember adalah di tahap 4.8%, sama seperti bulan November 2020. Walaubagaimanapun, yang lebih penting adalah **usaha Kerajaan di dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan 500,000 peluang pekerjaan pada tahun 2021, walaupun di dalam persekitaran yang amat mencabar.** Tambahan petugas kesihatan juga boleh dilihat sebagai salah satu

inisiatif Kerajaan bagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam kategori pekerjaan yang kritikal.

10. Sehubungan itu, **Majlis Pekerjaan Negara atau *National Employment Council*** yang bermesyuarat untuk kali kedua pada 9 Februari, telahpun **melaporkan bahawa lebih daripada 160,000 pekerjaan baharu bakal diwujudkan bagi tahun 2021 melalui pelaburan komited (*committed investments*)**, InsyaAllah. Diharapkan dengan usaha bersama semua pihak yang terlibat, kadar pengangguran 4.8% yang dicatatkan pada hujung Disember 2020 dapat kita kurangkan di dalam bulan-bulan yang mendatang, terutamanya dengan adanya usaha-usaha berterusan Kerajaan ke arah ini seperti portal MyFutureJobs (<https://www.myfuturejobs.gov.my/>) dan platform e-LATiH (<https://latih.hrdf.com.my/>) Kementerian Sumber Manusia.

### C. Jaringan Keselamatan Sosial

11. Seterusnya, sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan inisiatif PRIHATIN MySalam (<http://mysalam.com.my/>) sehingga akhir bulan Januari 2021 telah mencatatkan kelulusan bagi 67,000 tuntutan berkaitan COVID-19, dengan jumlah keseluruhan RM35 juta. Seperti yang diumumkan di dalam Pakej PRIHATIN, manfaat hospitalisasi mySalam – iaitu manfaat bernilai RM50 sehari untuk tempoh maksima 14 hari - telah dipanjangkan kepada mereka yang dimasukkan ke hospital kerana COVID-19, atau diarahkan untuk berkuarantin sama ada di pusat kuarantin KKM atau di rumah.
12. Kerajaan mendapati bahawa skim MySalam ini telah mendapat respons yang memberangsangkan, kerana ianya merupakan suatu bentuk jaringan sosial bagi lebih kurang 8 juta golongan berpendapatan rendah dan OKU. Skim ini merangkumi rawatan kesihatan bagi 45 penyakit kritikal, dan membuktikan komitmen Kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat khususnya di dalam menangani jangkitan COVID-19 di masa kini.

### PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

Saudara dan saudari sekalian,

13. Sekarang saya akan ke ulasan Pakej PENJANA setakat **29 Januari 2021**. Pakej ini berpaksikan tiga matlamat iaitu **Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan, dan Merangsang Ekonomi**

### PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

14. **Pertama**, menyentuh tentang Matlamat Memperkasakan Rakyat, **Program Subsidi Upah Fasa Pertama (PSU 1.0)** masih berjalan. Program ini telah mencapai nilai penyaluran **RM12.757 bilion** untuk **322,177 majikan** dan **2.64 juta pekerja** yang didaftarkan.

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
<b>29 Januari</b>	<b>12.757**</b>	<b>2.640</b>	<b>322,177</b>
25 Disember	12.682**	2.640	322,177
27 November	12.524**	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

\*Jumlah kumulatif

\*\* Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

15. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan Seramai 130,828 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini (berbanding 129,901 pekerja pada minggu sebelumnya). Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit. Untuk maklumat lanjut, sila layari (<https://www.perkeso.gov.my/186-penjana/803-program-insentif-pengambilan-pekerja-dan-bantuan-latihan.html>).

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
<b>29 Januari</b>	<b>105,160</b>	<b>17,586</b>	<b>7,534</b>	<b>548***</b>	<b>130,828</b>
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

\*Jumlah Kumulatif

\*\* Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh kelewatan masa (time lag) antara Penjana 1.0 yang telah tamat pada 21 Disember 2020 dengan Penjana 2.0 yang dilancarkan pada 4 Januari 2021.

\*\*\* Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan

2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

16. **Ketiga, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Terdapat peningkatan dari segi individu yang mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan kepada **133,301** peserta (peningkatan sebanyak 348 daripada 132,953 individu pada minggu sebelumnya). Pautan Kementerian Kewangan ada menyenaraikan kursus-kursus yang mendapat permintaan, manakala mereka yang berminat boleh melayari laman web agensi-agensi Kerajaan terlibat untuk mendapatkan maklumat berkaitan

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	<b>Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)</b> <a href="http://www.penjanahrdf.com.my">www.penjanahrdf.com.my</a>	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place &amp; Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	<b>Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)</b>	<i>INSKEN Business Training</i>
		Program <i>Micro Connector</i>
3.	<b>Majlis Amanah Rakyat (MARA)</b> <a href="http://penjana.mara.gov.my/">http://penjana.mara.gov.my/</a>	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>

4.	<b>East Coast Economic Region Development Council (ECER)</b> ( <a href="https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html">https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html</a> )	<i>ETEP Enhanced Train &amp; Place (PENJANA)</i>
5.	<b>Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)</b> ( <a href="https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/">https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/</a> )	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	<b>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)</b>	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	<b>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)</b> ( <a href="https://great.mohe.gov.my">https://great.mohe.gov.my</a> )	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

## PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudari sekalian,

17. Matlamat kedua PENJANA ialah Melonjakkan Perniagaan.
18. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau *TEKUN Business Recovery Scheme (TBR)*** khas untuk PKS Mikro dengan dana RM100 juta ini **telah mencapai objektifnya** dengan memanfaatkan **14,946 PKS Mikro**. Pada masa yang sama, masih terdapat inisiatif-inisiatif pembiayaan yang tersedia di bawah Matlamat ini seperti **Pembiayaan PKS Penjana dan Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA**, juga untuk PKS serta PKS Mikro.
19. **Kedua, Pembiayaan PKS PENJANA.** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sebanyak **6,507 permohonan telah diluluskan** dengan **jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.231 bilion**.

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
<b>29 Januari</b>	<b>6,507</b>	<b>1,231.4</b>
25 Disember	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

\*Jumlah Kumulatif

20. **Ketiga, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA.** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM1 bilion adalah bagi PKS dan PKS Mikro yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat **29 Januari**, terdapat **573 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **277 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan

sebanyak **RM55.4 juta**. Untuk maklumat lanjut: [https://www.bnm.gov.my/o/covid-19/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Financing\\_BM.pdf](https://www.bnm.gov.my/o/covid-19/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Financing_BM.pdf).

21. **Keempat, Bumiputera Relief Financing (BRF)** yang telah diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dengan dana RM200 juta, di mana **519 PKS** telah menerima dana sebanyak **RM 143.8 juta** (berbanding 494 PKS dengan jumlah RM135.5 juta pada minggu sebelumnya). Untuk maklumat lanjut: [https://www.punb.com.my/images/photo/BRF/Soalan\\_Lazim\\_BRF\\_FINAL.pdf](https://www.punb.com.my/images/photo/BRF/Soalan_Lazim_BRF_FINAL.pdf).

### **PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI**

Saudara dan saudari yang saya hormati,

22. Bagi matlamat ketiga PENJANA iaitu **Merangsang Ekonomi**, laporan minggu ini tertumpu kepada **pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel** untuk menyokong sektor pelancongan sehingga 30 Jun 2021. Nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah **RM1.37 bilion** (peningkatan sebanyak RM533.42 juta berbanding RM836.56 juta pada minggu sebelumnya). Antara inisiatif sokongan sektor pelancongan ialah pelepasan cukai individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong, serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi pelancong asing.
23. Sehubungan itu, beberapa hari lalu, **Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk mewujudkan gelembung perjalanan bagi merancakkan industri pelancongan** di antara kedua-dua negara. Kementerian Kewangan amat mengalu-alukan inisiatif ini, dan apabila digabungkan dengan peruntukan pembiayaan bagi industri pelancongan, saya berharap agar mereka yang terbabit di dalam industri akan mampu untuk cergas semula, InsyaAllah.

### **KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)**

Saudara dan saudari sekalian,

24. **Di bawah KITA PRIHATIN, bagi Program Subsidi Upah Fasa Dua (PSU2.0)**, sejumlah **RM741.16 juta** telah disalurkan kepada **64,345** majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **518,793** pekerja. Seperti yang dinyatakan semasa Belanjawan 2021, PSU bersasar juga diperkenalkan bagi membantu sektor pelancongan dan peruncitan, manakala kesemua sektor yang terkesan oleh pelaksanaan PKP tahun ini adalah layak untuk menerima sokongan PSU 3.0 di bawah Pakej Bantuan PERMAI.

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja*	Jumlah Majikan*
<b>29 Januari</b>	<b>741.16</b>	<b>518,793</b>	<b>64,345</b>
25 Disember	418.67	420,193	51,022
18 Disember	239.73	307,420	39,203
11 Disember	239.73	307,420	39,203
4 Disember	239.73	307,420	39,203
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

\*Jumlah Kumulatif

## PENUTUP

25. Sebagai penutup, sekali lagi saya mengingatkan semua agar terus mengikuti SOP dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian. Pemulihan ekonomi sebahagiannya disandarkan kepada kemampuan kita untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19.
26. Dalam pada itu, Kerajaan tidak akan berhenti memberikan sokongan terhadap kapasiti kesihatan awam, dan menjamin kelangsungan perniagaan serta melindungi punca rezeki Rakyat melalui bantuan yang akan diteruskan.
27. Sebelum kita akhiri sesi kali ini, saya ingin berkongsi pengalaman Misi Prihatin Kementerian Kewangan ke Pahang bagi meninjau mangsa banjir dan program pemulihan yang sedang dilaksanakan. *[video]*
28. Sejak lawatan ke Pahang ini, saya telah melakukan dua lagi lawatan turun padang bagi melihat sendiri tahap Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi. Laporrannya akan dikongsikan di laman media sosial saya.
29. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya berkongsi serangkap pantun:  
  
*Di pagi nian berarak gemawan,  
Mentari menjelma di hujung muara;  
Pandemik dilawan disuntik bantuan,  
Pulihkan semula industri Negara.*
30. Sekian untuk laporan LAKSANA kali ini, jaga diri dan *stay safe*. Terima kasih.

**YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz**  
**Menteri Kewangan**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**10 Februari 2021**



LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	<b>Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</b>	Setakat <b>29 Januari 2021</b> , jumlah pengeluaran kumulatif adalah <b>sebanyak RM16.24 bilion</b> (berbanding RM16.16 pada minggu sebelumnya) dan melibatkan <b>5.11 juta penerima</b> (berbanding 5.08 juta pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan <b>Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS)</b> yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: <a href="https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service">https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service</a>
2.	<b>Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)</b>	<p>a. Setakat <b>29 Januari 2021</b>, <b>sebanyak RM482.98 juta telah disalurkan berdasarkan 1,445,596 tuntutan</b> (berbanding RM484.85 juta melibatkan 1,449,100 tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19.</p> <p>b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>

**MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN**

<p>3.</p>	<p><b>Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)</b></p>	<p>Setakat <b>29 Januari 2021</b>, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah <b>RM11.60 bilion</b> yang akan memberi manfaat kepada <b>24,613 PKS</b>. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility (SRF)</i>, <i>Automation &amp; Digitalisation Facility (ADF)</i>, <i>All-Economic Sector Facility (AES)</i> dan <i>Agrofood Facility (AF)</i>.</p> <table border="1" data-bbox="529 546 1407 1104"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th> <th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th> <th>Jumlah PKS*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>29 Januari</b></td> <td><b>11.60</b></td> <td><b>24,613</b></td> </tr> <tr> <td>1 Januari</td> <td>11.54</td> <td>24,519</td> </tr> <tr> <td>25 Disember</td> <td>11.29</td> <td>24,012</td> </tr> <tr> <td>27 November</td> <td>11.13</td> <td>23,711</td> </tr> <tr> <td>30 Oktober</td> <td>10.87</td> <td>23,305</td> </tr> <tr> <td>25 September</td> <td>10.67</td> <td>22,984</td> </tr> <tr> <td>28 Ogos</td> <td>10.3</td> <td>22,440</td> </tr> <tr> <td>Julai</td> <td>9.6</td> <td>21,410</td> </tr> <tr> <td>Jun</td> <td>8.4</td> <td>19,539</td> </tr> <tr> <td>Mei</td> <td>6.9</td> <td>16,833</td> </tr> <tr> <td>April</td> <td>1.5</td> <td>3,636</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*Jumlah Kumulatif</i></p> <p>Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti <b>ADF</b>, <b>AES</b> dan <b>AF</b>. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui <b>platform iMSME</b> di pautan <a href="https://imsme.com.my/portal/bm/">https://imsme.com.my/portal/bm/</a> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.</p>	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	<b>29 Januari</b>	<b>11.60</b>	<b>24,613</b>	1 Januari	11.54	24,519	25 Disember	11.29	24,012	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																				
<b>29 Januari</b>	<b>11.60</b>	<b>24,613</b>																																				
1 Januari	11.54	24,519																																				
25 Disember	11.29	24,012																																				
27 November	11.13	23,711																																				
30 Oktober	10.87	23,305																																				
25 September	10.67	22,984																																				
28 Ogos	10.3	22,440																																				
Julai	9.6	21,410																																				
Jun	8.4	19,539																																				
Mei	6.9	16,833																																				
April	1.5	3,636																																				